

Received	2 Feb 2026	Revised	5 Apr 2026
Accepted	17 May 2026	Published	30 May 2026
Page	28-39		
DOI	https://doi.org/10.24035/jopi.01.2026.03		

Hadis dan Isu Gender: Satu Analisis Feminisme Kontemporari Hadith and Gender Issues: An Analysis of Contemporary Feminism

Farah Hanie Talip*¹ & Nurul Aini²

Abstract

Gender issues in hadith texts frequently generate debate within modern society, particularly among feminist circles that critically examine the roles and rights of women. This study focuses on two principal issues highlighted in contemporary discourse, drawn from the website of Angkatan Murtag Malaysia as a source of digital discussion: (i) the prohibition of altering women's natural creation, including practices such as tattooing, eyebrow plucking, and dental modifications; and (ii) restrictions on acts of worship during menstruation. The objective of this study is to examine perceptions of discrimination against women through the lens of contemporary feminism and to evaluate the extent to which harmonization between the authority of hadith and modern gender sensitivities can be achieved. This research employs a qualitative approach, involving textual analysis of classical hadith sources alongside digital discourses that critique these issues. The findings indicate that the tensions surrounding these matters often arise from literal interpretations of the texts and the separation of hadith from their historical context and the broader objectives of Islamic law (*maqasid al-shariah*). The prohibitions concerning alterations to women's natural features and the rulings related to menstruation are not intended to degrade or marginalize women; rather, they are grounded in a broader legal structure and the higher objectives of Islamic jurisprudence. The study therefore emphasizes the importance of textual literacy and a contextual interpretive approach in addressing negative perceptions of hadith within contemporary gender debates.

Keywords: Gender issues, feminism, hadith, menstruation, women.

¹Farah Hanie Talip* (*Corresponding Author*) Postgraduate student, Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: ffarahhaniee@gmail.com [ORCID ID: 0009-0000-8631-6919]

²Nurul Aini, Ph. D. Lecturer at Study Program in History of Islamic Civilization, Faculty of Adab and Humanities, UIN Syarif Hidayatullah, Jl. Tarumanegara, Pisangan, Ciputat, Tangerang Selatan, Banten 15419, INDONESIA. Email: nurul.aini@uinjkt.ac.id [ORCID ID: 0000-0003-1662-0901].

Pengenalan

Perdebatan mengenai isu gender dalam teks hadis telah menjadi salah satu topik penting dalam kajian Islam kontemporari. Perdebatan ini bukan sahaja melibatkan para sarjana tradisional, tetapi juga mendapat perhatian luas dalam kalangan masyarakat umum, terutama mereka yang prihatin terhadap isu keadilan sosial dan hak asasi manusia. Isu ini berpunca daripada persepsi bahawa sesetengah teks hadis menggambarkan peranan wanita dalam masyarakat Islam secara tidak adil atau seolah-olah mendiskriminasi wanita secara sistematik.

Berdasarkan kajian Farah Hanie (2025) dalam tesisnya bertajuk *Pemikiran Agnostik dalam Angkatan Murtad Malaysia*, di antara dua isu feminisme yang telah dikenal pasti daripada laman sesawang Angkatan Murtad Malaysia: pertama, hadis larangan terhadap perubahan ciptaan wanita seperti tatu, mencabut bulu kening, dan seumpamanya; kedua, sekatan ibadah tertentu bagi wanita ketika haid (Angkatan Murtad Malaysia 2020). Persepsi ini sering dikaitkan dengan pendekatan feminisme kontemporari Barat yang menekankan autonomi individu secara mutlak, termasuk autonomi terhadap tubuh badan dan pilihan peribadi. Pemikiran ini juga diperluas oleh Fatima Mernissi dalam karyanya *The Veil and the Male Elite* (1991), yang menafsirkan bahawa teks-teks hadis tertentu dilihat sebagai sekatan terhadap kebebasan wanita.

Salah satu hadis dalam *Sahih al-Bukhari* menyatakan bahawa wanita dilarang mencabut bulu kening, memotong gigi demi kelihatan lebih cantik, atau mengubah ciptaan Allah secara tidak semula jadi (Bukhari, 5931). Kritikan kontemporari, seperti yang dikemukakan oleh Mernissi (1991), melihat larangan ini sebagai bentuk sekatan terhadap autonomi wanita ke atas tubuh mereka sendiri dan menimbulkan persoalan hak individu dalam konteks moden. Pendekatan ini menekankan hak wanita untuk membuat keputusan ke atas penampilan fizikal tanpa mengambil kira konteks sosial, budaya, dan prinsip syariah yang melandasi teks hadis tersebut.

Namun, apabila dianalisis melalui perspektif maqasid al-shariah, larangan ini tidak semata-mata bertujuan untuk mendiskriminasi wanita. Menurut Al-Shatibi (2004), larangan tersebut bertujuan memelihara kecantikan semula jadi sebagai anugerah Allah, mengelakkan penipuan atau tipu daya dalam perhubungan perkahwinan, serta menentang tekanan sosial. Malah, terdapat hadis lain yang melarang lelaki meniru cara wanita dan sebaliknya, seperti diriwayatkan dalam *Sahih Muslim* hadis (2125), menunjukkan bahawa larangan ini bersifat umum dan bukan khusus kepada satu jantina sahaja. Dengan demikian, teks hadis ini dapat difahami sebagai usaha menyeimbangkan kepentingan individu, sosial, dan moral secara adil dalam kerangka syariah Islam.

Dalam tradisi Islam, sekatan terhadap ibadah solat dan puasa semasa haid bukanlah bentuk diskriminasi tetapi merupakan keringanan (*rukhsah*) dan rahmat dari Allah SWT berdasarkan syariah yang lengkap dan holistik. Hadis yang diriwayatkan menyatakan bahawa seorang wanita yang mengalami haid tidak diwajibkan menunaikan solat ketika itu, sebagaimana Aisyah RA menyampaikan bahawa Nabi SAW tidak memerintahkan wanita haid untuk menggantikan solatnya semasa haidnya (Hadis Sahih al-Bukhari 321) yang menunjukkan ibadah semasa haid dibenarkan untuk ditangguhkan dan diganti kemudian. Ayat Al-Quran juga

menekankan prinsip kemudahan dalam hukum ibadah, “Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu” dalam konteks puasa Ramadan, yang boleh dirujuk sebagai dasar umum Allah memudahkan kehidupan hamba-Nya dalam ketetapan syariah (Al-Baqarah2:185).

Selain itu, Al-Quran menjelaskan bahawa pandangan umat jahiliah terhadap haid sebagai keadaan najis atau kutukan telah disusun semula dalam Islam dengan menjelaskan hukumnya secara tegas dan penuh hikmah: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah, ia adalah suatu kemudaratan (*adhā*); maka jauhilah wanita pada masa haid dan jangan mendekati mereka sehingga mereka suci...” (Al-Baqarah 2:222) yang menandakan pendekatan Islam bukan menghina wanita, tetapi menetapkan norma ibadah berdasarkan realiti fisiologi sambil tetap menjaga kehormatan dan ketenangan rumah tangga. Prinsip ‘*adhā*’ dalam ayat ini (iaitu kemudaratan) menunjukkan bahawa Islam melihat haid sebagai keadaan semula jadi yang berbeza dari situasi biasa, sekaligus memberi pengecualian yang adil dan berasas hikmah.

Pendekatan ini selari dengan prinsip maqasid al-shariah yang menekankan *hifz al-nasl* (perlindungan keturunan) dan *hifz al-din* (perlindungan agama) di samping aspek kemudahan (*yusr*). Larangan hubungan suami isteri semasa haid dan pengecualian ibadah ritual menunjukkan bagaimana Islam menyeimbangkan antara hukum ritual dan manfaat sosial-kesihatan tanpa membebankan pihak tertentu secara tidak adil. Prinsip ini memperlihatkan bahawa hukum ibadah bukan semata-mata diskriminatif, tetapi bertujuan untuk menjamin kesejahteraan individu, hubungan keluarga, dan masyarakat secara menyeluruh, dengan tetap berpegang kepada teks dan tujuan syariah secara seimbang.

Dalam memahami teks hadis secara tepat, para sarjana menekankan kepentingan menganalisis *isnad* (rantai periwayatan), *matan* (isi teks), dan *asbab al-wurud* (sebab turunnya atau latar belakang riwayat) kerana ketiga-tiga elemen ini memastikan tafsiran dilakukan secara sahih dan mengelakkan penyalahgunaan teks. *Isnad* menilai kredibiliti perawi dan kesahihan riwayat, manakala *matan* memberikan kefahaman tentang makna literal dan konteks sejarah hadis tersebut. Selain itu, *asbab al-wurud* membantu menelusuri sebab turunnya hadis dan keadaan sosial serta budaya yang mempengaruhinya. Ibn Hajar al-Asqalani (1977) dalam karyanya *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* menegaskan bahawa analisis menyeluruh terhadap unsur-unsur ini adalah asas untuk mengelakkan salah tafsir, manipulasi teks, dan tafsiran yang tidak selari dengan prinsip syariah.

Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa manipulasi teks hadis oleh pihak yang tidak berilmu boleh menjejaskan kefahaman sebenar terhadap syariah apabila tafsiran dilakukan tanpa mengambil kira konteks sejarah, disiplin ilmu hadis dan prinsip maqasid al-shariah. Oleh itu, literasi agama yang mendalam dan pendekatan yang holistik amat penting bagi memastikan tafsiran teks suci dilakukan secara tepat, berintegriti dan tidak bersifat ekstrem. Secara keseluruhannya, hadis berkaitan isu gender, termasuk larangan perubahan ciptaan tubuh dan sekatan ibadah semasa haid, perlu difahami dalam kerangka hikmah dan tujuan syariah, bukan sebagai diskriminasi, tetapi sebagai manifestasi norma sosial dan perlindungan syarak yang

relevan pada zamannya serta tetap selaras dengan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Islam masa kini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan menumpukan kepada analisis teks dan wacana kritikal. Dalam analisis teks, tumpuan diberikan kepada hadis-hadis klasik yang berkaitan dengan isu perubahan ciptaan wanitaserta ibadah semasa haid. Sumber utama yang dikaji ialah koleksi Sahih al-Bukhari, di mana beberapa riwayat dianalisis dari segi sanad (rantai periwayatan), matan (teks hadis), serta konteks sejarah penyampaian hadis (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari). Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap makna asal hadis serta tujuan syariah di sebaliknya.

Dalam aspek wacana kontemporari, kajian merujuk kepada artikel, jurnal, dan karya feminisme Islam yang membincangkan isu gender dalam konteks Islam, termasuk tulisan oleh Wadud (1999), Mernissi (1991), dan Barlas (2002). Pendekatan wacana kritikal ini membolehkan penilaian yang lebih mendalam tentang bagaimana tafsiran moden berupaya menyeimbangkan prinsip syariah dengan kesaksamaan gender, serta meneliti kemungkinan teks hadis dipilih secara selektif untuk menyokong agenda tertentu (al-Nawawi, 1999). Melalui gabungan analisis teks klasik dan kritikan wacana kontemporari, kajian ini berusaha memberikan pemahaman yang menyeluruh mengenai isu gender dalam hadis serta hikmah syariah berkaitan ibadah wanita semasa haid.

Larangan Perubahan Ciptaan: Konteks dan Tafsiran

Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Mas'ud menyatakan bahawa Rasulullah SAW melaknat wanita yang membuat tatu, yang meminta dibuatkan tatu, yang mencabut bulu muka, yang meminta dicabutkan bulu muka, serta yang merenggangkan atau memodifikasi gigi untuk tujuan kecantikan kerana dianggap mengubah ciptaan Allah. Hadis ini direkodkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim (al-Bukhari 2002; Muslim 2006). Kedudukan hadis ini sebagai hadis sahih menjadikannya sandaran utama dalam perbincangan fiqh berkaitan perubahan fizikal. Teks tersebut sering dijadikan hujah bahawa Islam menentang sebarang bentuk perubahan yang melibatkan tubuh wanita secara mutlak. Walau bagaimanapun, metodologi pengajian hadis menegaskan bahawa sesuatu teks tidak boleh difahami secara terpisah daripada konteks sejarah dan tujuan pensyariaan, kerana pendekatan literal semata-mata berpotensi menghasilkan generalisasi hukum yang tidak selaras dengan maqasid al-shariah.

Dari sudut sejarah sosial, amalan tatu dan modifikasi gigi dalam masyarakat Arab pra-Islam tidak hanya bersifat kosmetik, bahkan berkait dengan simbol kesukuan dan unsur kepercayaan animisme yang bercanggah dengan tauhid. Reformasi yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW bertujuan memurnikan akidah dan menghapuskan unsur syirik yang berakar dalam budaya masyarakat ketika itu (Watt 1996). Oleh itu, larangan terhadap amalan tersebut boleh difahami sebagai sebahagian daripada usaha pembinaan masyarakat berasaskan tauhid dan etika

kesederhanaan, bukan semata-mata pengawalan terhadap tubuh wanita. Dalam kerangka ini, larangan tersebut lebih bersifat pembetulan terhadap budaya jahiliyah yang sarat dengan simbolisme spiritual yang menyimpang daripada prinsip keesaan Allah SWT.

Ulama klasik memberikan huraian yang lebih terperinci terhadap hadis ini. Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa pengharaman tersebut merujuk kepada perubahan kekal yang dilakukan tanpa keperluan syarie dan bertujuan memperdaya atau mengubah kejadian asal (al-Nawawi 1996). Begitu juga Ibn Hajar al-Asqalani menegaskan bahawa larangan ini tidak merangkumi rawatan perubatan atau pembaikan kecacatan kerana prinsip fiqh mengiktiraf keperluan darurat dan hajat sebagai pengecualian (Ibn Hajar 2001). Penjelasan ini menunjukkan bahawa ulama tidak mentafsirkan hadis secara mutlak, sebaliknya membezakan antara perubahan yang bercanggah dengan fitrah dan perubahan yang bertujuan memulihkan kesejahteraan. Hal ini membuktikan bahawa tradisi fiqh Islam mempunyai mekanisme dalaman yang membolehkan penyesuaian hukum berdasarkan konteks dan keperluan.

Dari perspektif teori hukum Islam, prinsip maqasid al-shariah yang dihuraikan oleh *Abu Ishaq al-Shatibi* dalam karya *al-Muwafaqat* menekankan bahawa syariah bertujuan memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibi 1997). Dalam konteks ini, larangan perubahan ciptaan boleh ditafsirkan sebagai usaha memelihara agama daripada unsur syirik serta menjaga maruah dan kesejahteraan individu. Sehubungan itu, sesuatu perubahan fizikal perlu dinilai berdasarkan niat, kesan dan tahap kemudatan yang terhasil, selaras dengan objektif umum syariah. Pendekatan ini mengelakkan kefahaman yang terlalu sempit dan memastikan bahawa hukum yang dirumuskan bersifat adil serta mempertimbangkan realiti semasa.

Perbincangan fiqh juga menunjukkan kepelbagaian pandangan dalam kalangan mazhab. Mazhab Hanafi, misalnya, cenderung mengharamkan pencabutan bulu kening secara umum kecuali dalam keadaan tertentu, manakala mazhab Syafi'i membenarkan pembuangan bulu yang berlebihan tanpa mengubah bentuk asal secara ketara (Ibn Abidin 2003; al-Nawawi 1996). Kepelbagaian ini membuktikan bahawa isu tersebut bersifat ijtihadi dan tertakluk kepada pertimbangan konteks serta adat setempat, selagi tidak bercanggah dengan prinsip asas syariah. Perbezaan pandangan ini juga mencerminkan keluasan tradisi hukum Islam yang tidak bersifat monolitik.

Dalam wacana kontemporari, sarjana feminisme Islam seperti Musdah Mulia menegaskan bahawa hadis ini tidak seharusnya dijadikan instrumen kawalan patriarki terhadap wanita, sebaliknya difahami sebagai larangan terhadap amalan yang membawa implikasi sosial dan keagamaan yang negatif (Mulia 2008). Beliau berhujah bahawa Islam menjamin maruah dan autonomi wanita dalam kerangka tanggungjawab moral yang seimbang. Pendekatan yang hampir sama dikemukakan oleh Asma Barlas dalam karya *Believing Women in Islam*, yang menegaskan bahawa teks agama perlu dibaca secara holistik dan selaras dengan prinsip keadilan al-Quran (Barlas 2002). Menurut beliau, tafsiran literal yang mengabaikan dimensi sejarah dan etika berpotensi mengukuhkan struktur patriarki yang tidak selari dengan semangat tauhid dan keadilan Islam.

Secara keseluruhannya, larangan perubahan ciptaan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Mas'ud perlu dianalisis melalui pendekatan sejarah, maqasid al-shariah dan dinamika fiqh. Rujukan klasik dan kontemporari menunjukkan bahawa hukum tidak bersifat beku atau mutlak, tetapi bergantung kepada tujuan, konteks dan implikasi sesuatu perbuatan. Apabila dipadankan dengan pendekatan feminisme Islam kontemporari, hadis tersebut tidak menunjukkan diskriminasi terhadap wanita, sebaliknya berfungsi sebagai panduan etika bagi memelihara adab syarak terhadap perubahan tubuh yang mempunyai kesan sosial dan spiritual.

Sekatan Ibadah Ketika Haid: Hikmah Syariah

Wanita yang sedang mengalami haid dan istihazah dikecualikan daripada menunaikan beberapa ibadah seperti solat, puasa, dan tawaf kerana keadaan mereka dianggap menanggung najis dan kotor. Larangan ini bersifat sementara dan akan hilang apabila wanita suci daripada haid atau istihazah (Mursyidah, 2016). Dalam konteks solat, sebuah hadis menyatakan:

Daripada Saidatina Aisyah R.A.H. berkata, Sabda Rasullulah S.A.W “Jika haid kamu datang maka tinggalkanlah solat dan jika telah berlalu masa-masa haid maka bersihkanlah darah daripadamu lalu solatlah.” (Sahih Al-Bukhari).

Hadis ini menjelaskan bahawa larangan yang disabdakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. bersifat sementara. Pengharaman hanya terpakai semasa wanita berada dalam keadaan haid, dan sebaik sahaja mereka suci, mereka diwajibkan menunaikan solat semula. Antara hikmah larangan solat semasa haid ialah wanita tetap memperoleh pahala kerana menunaikan ketaatan kepada perintah Allah SWT, dan mereka tidak diwajibkan mengqada' solat yang tertinggal (Abdul Rahman 2014).

Dalam ibadah berpuasa, wanita haid juga dikecualikan daripada menunaikan puasa Ramadhan atau puasa sunat. Fatimah binti Hubaisyah R.A. meriwayatkan daripada Saidatina Aisyah R.A yang bermaksud:

Daripada Fatimah binti Hubaisyin R.A.H. berkata, Saya bertanya kepada Saidatina Aisyah seraya berkata “Kenapa wanita yang haid mengqada' puasa dan tidak mengqada' solat”? Maka Saidatina Aisyah menjawab, “Apakah kamu golongan Haruriyah?” Aku menjawab, “Aku bukan Haruriyah, akan tetapi aku hanya bertanya.” Dia menjawab, “Kami pernah mengalami haid, kemudian kami suci, maka Baginda memerintahkan kami mengqada'kan puasa dan tidak memerintahkan kami mengqada'kan solat.” (al-Bukhari dan Muslim)

Ibadah puasa termasuk salah satu ibadah yang diwajibkan ke atas umat Nabi Muhammad S.A.W., khususnya puasa Ramadan (Nor Kartina 2015). Wanita yang sedang haid juga dilarang oleh syarak daripada menunaikan puasa, sama ada puasa wajib atau sunat (Hasan Ahmad 2003). Larangan ini penting kerana terdapat segelintir pihak yang beranggapan bahawa larangan hanya terpakai kepada puasa fardu, sedangkan puasa sunat turut termasuk dalam sekatan tersebut.

Seterusnya, larangan tawaf pula berpandukan hadis daripada Saidatina Aisyah R.A. semasa haji, di mana Nabi Muhammad S.A.W. memerintahkan:

Daripada Aisyah R.A.H. Sabda Nabi Muhammad S.A.W. kepadanya ketika haji, “lakukanlah segala sesuatu yang dilakukan orang yang berhaji selain dari melakukan tawaf di Kaabah hingga engkau suci.” (al-Bukhari dan Muslim)

Larangan melakukan tawaf, iaitu ibadah yang dilakukan semasa menunaikan haji atau umrah kerana dikhuatiri akan menjejaskan kesucian dan kemuliaan Kaabah (Hasan Ahmad, 2003).

Kesemua dalil ini menegaskan bahawa solat yang tertinggal semasa haid tidak perlu diganti, manakala puasa wajib diganti selepas tempoh suci. Sesetengah pemerhati kontemporari melihat sekatan ini sebagai diskriminasi berbanding lelaki yang tidak menghadapi sekatan serupa (Angkatan Muratad Malaysia, 2020). Namun demikian, ulama fiqh klasik dan moden menjelaskan bahawa pengecualian ini bukan bermaksud wanita dikurangkan haknya, tetapi merupakan hikmah syariah yang mengambil kira keadaan fisiologi wanita semasa haid, memberi rehat daripada kewajipan tertentu yang memerlukan ketenangan fizikal serta rohani (al-Shafi’i, 2001; 2008). Hikmah ini menunjukkan bahawa syariah memberi kelonggaran supaya ibadah dapat dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan khusyuk.

Dalam konteks maqasid syariah, pengecualian ini dilihat sebagai bentuk tadbir urus yang adil kerana ia mengimbangi kewajipan ibadah dengan keadaan biologikal manusia tanpa memandang rendah potensi dan martabat wanita (An-Nawawi, 2024). Fakta bahawa wanita diwajibkan menggantikan solat dan puasa yang tertinggal selepas tempoh haid menunjukkan bahawa Islam menekankan keadilan beribadat sepanjang hidup seseorang wanita. Pendekatan ini bukan sahaja memelihara kesihatan fizikal, tetapi juga memastikan kesejahteraan mental dan rohani, sejajar dengan prinsip *hifz al-nafs* dalam maqasid syariah.

Ulama klasik seperti Imam al-Shafi’i (2001) menekankan bahawa haid dianggap sebagai najis menurut al-Quran (al-Baqarah: 222), yang menghalang wanita daripada melaksanakan ibadah tertentu secara tetap. Imam An-Nawawi (2024) menambah bahawa solat gugur sepenuhnya semasa haid, manakala puasa wajib diganti, dengan qiyas kepada keadaan junub. Pengecualian ini memelihara lima keperluan asas syariah (*al-dharuriyyat al-khams*), termasuk pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) dan kesihatan reproduktif wanita.

Dalam perspektif usul fiqh moden, Mohammad Hashim Kamali (2009) menjelaskan bahawa pengecualian ini merupakan manifestasi prinsip *la darar wa la dirar* dan *maslahah mursalah*, yang mengiktiraf perbezaan gender sebagai bentuk keadilan. Walaupun wanita tidak melaksanakan ibadah tertentu semasa haid, pahala mereka tetap terjamin, menunjukkan kesamarataan ganjaran di sisi Allah. Dengan pendekatan ini, syariah menunjukkan fleksibiliti dan keadilan, memastikan wanita tetap diberi penghormatan, hak, dan kemudahan dalam pelaksanaan ibadah.

Jelaslah bahawa sekatan ibadah semasa haid merupakan manifestasi hikmah dan rahmat syariah yang mengambil kira kesejahteraan fizikal, mental, dan rohani wanita. Pendekatan ini mengimbangi keadilan (*adl*), kemudahan (*taysir*), dan maslahat dunia serta akhirat, sejajar dengan maqasid syariah. Ulama klasik dan moden, termasuk al-Shafi’i dan An-Nawawi, menegaskan bahawa pengecualian semasa haid adalah bentuk tatasusila syariah yang adil, fleksibel, dan bijaksana.

Manipulasi Hadis oleh Golongan Liberal

Isu manipulasi hadis oleh kelompok tertentu termasuk golongan non-Muslim, agnostik dan kelompok liberal Muslim merupakan antara polemik yang semakin mendapat perhatian dalam wacana keagamaan kontemporari di Malaysia. Fenomena ini tidak hanya menyentuh aspek metodologi pentafsiran teks, bahkan turut memberi implikasi terhadap kefahaman akidah dan autoriti sunnah sebagai sumber hukum kedua selepas al-Quran. Dalam kerangka epistemologi Islam, hadis merupakan wahyu *ghayr matluw* yang berfungsi sebagai pentafsir, penghurai dan penguat kepada nas al-Quran. Justeru, sebarang pendekatan yang mempersoalkan autoritinya tanpa disiplin ilmu hadis yang sahih berpotensi menimbulkan kekeliruan metodologi dalam kalangan masyarakat awam.

Dalam konteks Malaysia, polemik ini sering dikaitkan dengan pendekatan sesetengah gerakan yang membawa wacana reformis dan liberal seperti Sisters in Islam (SIS). Beberapa kajian akademik mendapati bahawa sebahagian wacana yang diketengahkan oleh SIS memperlihatkan kecenderungan untuk mentafsir teks hadis berdasarkan kerangka hak asasi moden tanpa merujuk secara mendalam kepada disiplin ilmu sanad, matan serta kaedah *jarh wa ta'dil* yang menjadi asas kesahihan hadis (Norzulaili Mohd Ghazali et al. 2020). Misalnya, perbincangan berkaitan poligami sering dirujuk kepada Surah al-Nisa' (4:129) secara terpisah daripada hadis-hadis penjelas, sedangkan pendekatan tafsir *bi al-ma'thur* dan *takhrij* hadis menuntut penelitian yang lebih menyeluruh terhadap konteks dan darjat riwayat.

Selain itu, pendekatan hermeneutika moden yang tidak berasaskan usul fiqh turut digunakan oleh sebahagian penulis agnostik dalam menilai hadis-hadis berkaitan sifat Allah dan perkara *sam'iyat*. Kajian oleh Farah Hanie Talip (2023) menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan menolak hadis mutawatir atas alasan rasionalisme semata-mata tanpa memahami hierarki dalil dalam disiplin akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Pendekatan sedemikian berisiko menjejaskan prinsip *tasdiq* dan *taslim* terhadap khabar yang *sabit* secara *qat'i*. Hal ini selari dengan dapatan (Rosni Wazir, et al. 2018) yang menegaskan bahawa penolakan hadis sering bermula dengan skeptisisme terhadap metodologi periwayatan sebelum berkembang kepada relativisme agama.

Dari sudut sejarah perkembangan gerakan, Sister in Islam (SIS) yang ditubuhkan pada tahun 1988 membawa agenda reformasi undang-undang keluarga Islam dan isu kesaksamaan gender. Walaupun usaha memperkasa wanita dalam kerangka syariah adalah suatu tuntutan yang diiktiraf, beberapa pengkaji berpendapat bahawa metodologi *ijtihad* yang diguna pakai oleh SIS tidak memenuhi syarat *mujtahid* sebagaimana yang digariskan dalam disiplin usul fiqh klasik (Zuraidah Kamaruddin, Rahimah Embong et al. 2015). *Ijtihad* dalam tradisi keilmuan Islam mensyaratkan penguasaan bahasa Arab, ilmu tafsir, hadis, *qiyas* dan *maqasid* syariah secara mendalam. Justeru, tafsiran yang menolak hadis sahih atas dasar ketidakselarasan dengan norma moden dilihat bercanggah dengan kerangka *ijtihad* muktabar.

Implikasi manipulasi hadis bukan sahaja bersifat teoritis, bahkan turut memberi kesan terhadap persepsi masyarakat terhadap syariat. Penolakan terhadap hadis tertentu berkaitan hudud, murtad atau peranan jantina sering dikaitkan dengan hujah "tiada paksaan dalam agama" berdasarkan Surah al-Baqarah (2:256). Walau

bagaimanapun, para sarjana tafsir menjelaskan bahawa ayat tersebut mempunyai sabab nuzul dan konteks tertentu yang tidak boleh digeneralisasikan secara mutlak bagi menafikan keseluruhan kerangka perundangan Islam. Kekeliruan konteks ini menunjukkan kepentingan pendekatan tafsir yang bersepadu antara al-Quran dan sunnah.

Bagi menangani cabaran ini, institusi fatwa negeri, khususnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan garis panduan serta penjelasan yang jelas berkaitan penyelewengan akidah dan bahaya fahaman anti-hadis (Majlis Agama Islam Selangor 2021). Pendekatan ini menekankan kepentingan pemahaman sunnah secara sahih, berlandaskan disiplin ilmu hadis tradisional, sambil tetap mengambil kira realiti kontemporari (Ab Rahim, Abd Razzak & Ali Nuar, 2025; Nawafil & Suparwany, 2021). Dengan menggabungkan metodologi ilmiah tradisi dan respons terhadap isu semasa, langkah ini dilihat sebagai mekanisme yang paling efektif untuk memastikan sunnah Nabi SAW difahami secara holistik, tepat, dan kontekstual, sekaligus memelihara integriti ajaran Islam daripada tafsiran yang salah atau bersifat manipulatif (Farah Hanie et al., 2023; Ulul Absor, 2023).

Manipulasi hadis oleh golongan non-Muslim, agnostik atau kelompok liberal tertentu dalam konteks Malaysia merupakan cabaran epistemologi yang memerlukan penelitian akademik yang objektif dan berdisiplin. Kritikan terhadap hadis tidak boleh ditangani secara emosional, sebaliknya perlu dijawab melalui pengukuhan pendidikan ilmu hadis, pemerkasaan metodologi usul fiqh dan penjelasan berautoriti oleh sarjana yang berkelayakan. Dengan pendekatan ini, integriti sunnah sebagai sumber hukum dan panduan kehidupan umat Islam dapat terus dipelihara dalam menghadapi cabaran pemikiran kontemporari.

Kesimpulan

Isu gender dalam teks hadis sering menjadi perhatian dalam kalangan akademik dan masyarakat kerana ia melibatkan pemahaman terhadap peranan serta tanggungjawab wanita dalam Islam. Kajian ini menekankan bahawa teks hadis yang membincangkan larangan terhadap perubahan ciptaan wanita, seperti tatu, mencabut bulu kening, dan mengubah ciptaan tubuh lain, serta sekatan ibadah semasa haid, perlu ditafsirkan dengan penuh ketelitian dan konteks sejarah. Peraturan ini bukanlah satu bentuk diskriminasi terhadap wanita, tetapi mencerminkan norma sosial, budaya, dan nilai moral pada zaman tersebut, selain mengambil kira aspek biologikal dan hikmah syariah yang bertujuan memelihara kesejahteraan individu serta masyarakat. Tafsiran sempit terhadap teks ini tanpa memahami konteksnya berisiko menghasilkan salah faham terhadap maksud sebenar syariah.

Larangan terhadap perubahan ciptaan tubuh wanita dan sekatan ibadah ketika haid juga boleh difahami melalui perspektif hikmah syariah yang menekankan pemeliharaan diri, kesihatan, dan moral. Teks hadis ini menegaskan kepentingan menjaga fitrah manusia dan keseimbangan sosial dalam masyarakat Islam. Peraturan-peraturan yang kelihatan membatasi tindakan wanita bukanlah untuk menjejaskan hak mereka, tetapi bertujuan menjaga kepentingan individu serta mengekalkan keharmonian masyarakat pada zamannya (Latifah et al. 2025). Dengan pendekatan

ini, tafsiran hadis dapat dilihat sebagai instrumen untuk memelihara maslahat dan mengelakkan kemudaratan.

Konteks maqasid al-shariah adalah asas penting dalam menafsirkan teks hadis. Setiap larangan dan perintah dalam hadis bertujuan untuk memelihara lima perkara utama: agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Dalam hal larangan perubahan ciptaan tubuh dan sekatan ibadah semasa haid, pendekatan maqasid menekankan bahawa peraturan ini berfungsi untuk menjaga kesihatan fizikal, kesejahteraan rohani, dan keharmonian sosial. Pendekatan ini memastikan tafsiran dilakukan secara menyeluruh, bukan sekadar literal, sekaligus mengelakkan salah faham atau penggunaan teks yang tidak tepat (Muhammad Afifi Azahar & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim 2023)

Kajian ini juga memberi peringatan terhadap kemungkinan manipulasi teks hadis oleh pihak yang tidak berilmu. Tafsiran yang dilakukan tanpa ilmu dan konteks sering digunakan untuk menyokong agenda tertentu atau pandangan peribadi, yang boleh menjejaskan pemahaman sebenar terhadap syariah. Oleh itu, literasi ilmu agama yang mendalam adalah penting bagi memastikan tafsiran teks suci dilakukan secara tepat dan berintegriti. Pemahaman yang holistik, berasaskan ilmu, konteks sejarah, dan maqasid syariah adalah penting untuk mengelakkan penafsiran yang bersifat ekstrem atau salah arah.

Kesimpulannya, tafsiran hadis mengenai isu gender perlu mengambil kira konteks sejarah, maqasid al-shariah, dan hikmah syariah. Larangan terhadap perubahan ciptaan tubuh wanita dan sekatan ibadah semasa haid bukanlah diskriminasi, tetapi manifestasi norma sosial dan perlindungan syariah yang relevan pada zamannya. Pemahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap teks hadis membantu memastikan interpretasi dilakukan secara tepat, adil, dan berkesan dalam konteks masyarakat Islam masa kini. Dengan pendekatan ini, tafsiran teks suci tetap selaras dengan tujuan syariah tanpa mengabaikan kesejahteraan dan keharmonian sosial.

Acknowledgement

This article is part of Master study conducted at the Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, and was carried out without funding from any party.

Conflict of Interest Statement

The authors declare that there are no conflicts of interest regarding the publication of this article. All contributions were made objectively without any personal, financial, or institutional influence that could compromise the integrity of the work.

Authors' Contributions Statement

All authors contributed to the conceptualisation, methodology, and analysis.

1. **Farah Hanie Talip** provided the data, collected data and prepared the first draft.
2. **Nurul Aini** handled the restructuring, review and editing.

All authors have read and approved the final version of the manuscript.

Ethics Statement

This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants (when applicable) and strict confidentiality maintained

Rujukan

- Abdul Rahman. 2014. *Ibanah Wal Ifadah fi Ahkam Haid Nifas Wa al-Istihadah 'ala Mazhab Imam Syafie*. Kuala Lumpur: Fajar Ilmu Baru.
- Abu-Zayd, N. 2006. *Reformation of Islamic Thought*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Almanhaj. 2025. *Hukum solat dan puasa bagi wanita haid*. Jakarta: Almanhaj.
- Al-Turk, A. 2017. Women and ritual impurity in hadith. *Journal of Islamic Studies* 28(2): 145–167.
- Apostates in Malaysia. 2020. Blog. <https://apostatesinmalaysia2020.wordpress.com/> [Retrieved: 3 January 2026].
- Barlas, A. 2002. *Believing Women in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Qur'an*. Austin: University of Texas Press.
- Al-Bukhari, M. 1997. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Dar al-Ifta al-Misriyyah. 2020. Fatwa No. 4567 mengenai perubahan kosmetik. <https://www.dar-alifta.org> (Retrieved: 2 Jan. 2026).
- Farah Hanie. 2025. *Pemikiran Agnostik dalam Angkatan Murtad Malaysia*. Tesis MA. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali, M. 1997. *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hasan Bin Ahmad. 2003. *Taqrirat Sadidah*. Tarim: Darul Ulum Wa Daqwah.
- Ibn Hajar al-Asqalani. 1997. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar Taybah.
- Kamali, M. H. 2008. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Ed. ke-3. Cambridge: Ilmiah Publishers.
- Kamali, M. H. 2009. *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law*. Kuala Lumpur: IKIM Press.
- Kamali, M. H. 2013. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publishers.
- Kepoinhikmah. 2025. *20 Hukum yang Berkaitan Dengan Haid dan Hikmahnya dalam Islam*. Jakarta: Kepoinhikmah.
- Latifah Abdul Majid, Norhafizah Ahmad, Nik Siti Hajar Ahmad Azhar & Mohd Arif Nazri. 2025. Haid dan pengurusan emosi: Perspektif Islam dalam menangani perubahan perasaan wanita. *Global Journal Al-Thaqafah* 12 (S/1): 201–220. <https://doi.org/10.7187/GJATSI122025-14>
- Mernissi, F. 1991. *The Veil and the Male Elite: A Feminist Interpretation of Women's Rights in Islam*. New York: Basic Books.
- Mohamad, R. 2024. Dakwaan unsur misogoni dalam hadith oleh Fatima Mernissi: Analisis berdasarkan buku *The Veil and The Male Elite*. *Al-Makrifah* 2(1): 91–108. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.8.2024>

- Muhammad Afifi Azahar & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2023. Dawabit fatwa mengubah ciptaan Allah yang diharamkan menurut ulama. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 114–126.
- Mursyidah. 2016. *Haid dan Kesehatan menurut Ajaran Islam*. Jakarta: Sekolah Pascasarjana Universitas Nasional.
- Nadwi, A. H. 2000. *Islam and the World*. Leicester: Islamic Trust Publications.
- Al-Nawawi, Y. 1999. *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Y. 2024. *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi, Y. S. 1277H/2024. *Al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- New Age Islam. 2025. *Fatima Mernissi's thoughts on women in Islam*. New Delhi: New Age Islam.
- Nor Kartina. 2015. *Permasalahan taharah: Fiqh darah-darah wanita masa kini*. International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century (ICIC 2015) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 6–7 September.
- Norzulaili Mohd Ghazali, Mohd Zohdi Mohd Amin & Nadzrah Ahmad. 2020. An analysis of Sisters in Islam's (SIS) misinterpretation of the gender equality in the Quran. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah* 16(2): 31–47. <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v16i2.231>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2018. *Siri Al-Kafi #906: Hukum wanita haid masuk ke masjid*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. *Irsyad al-Fatwa Ramadhan Siri 139*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2022. *Irsyad al-Fatwa Siri 203*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Rosni Wazir, Ismail, K., Usman, A. H., Amran, N. N., & Mohd Asri, M. N. (2018). Hadis ahad menurut perspektif Islam liberal: Refleksi terhadap cabaran penuntut pengajian hadis di Malaysia. In *e-Proceeding of the 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018)*. KUIS.
- Al-Shafi'i, I. 2001. *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shatibi, A. I. 2004. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Al-Khabar: Dar Ibn Affan.
- Talip, F. H., Kamarzaman, M. H. & Ibrahim, M. 2023. Penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis oleh golongan agnostik dalam persoalan akidah. *Jurnal Usuluddin* 51(1): 29–54. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol51no1.2>
- Wadud, A. 1999. *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*. New York: Oxford University Press.
- Watt, W. M. & Bell, R. 1996. *Hadith: Muhammad's Legacy in the Medieval and Modern World*. Oxford: Oneworld Publications.
- Zuraidah Kamaruddin, Rahimah Embong, Sakinah Salleh, Zurita Mohd Yusoff & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. 2015. Understanding of ijtihād from the mind of Sister in Islam: A critical analysis. Dalam *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 6–7 September, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, hlm. 334.